

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan kakitangan kontrak yang telah ditamatkan perkhidmatan.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Januari 2015, bilangan pegawai kontrak dalam Perkhidmatan Awam adalah seramai 47,728 orang.

Bagi tempoh antara Januari 2014 hingga Januari 2015, **seramai 1,466 (3.0%) pegawai** telah ditamatkan perkhidmatan. Penamatan perkhidmatan antaranya disebabkan perkhidmatan pegawai tidak lagi diperlukan oleh kerana tugas yang dilaksanakan telah selesai, prestasi pegawai tidak mencapai tahap yang ditetapkan, pegawai meletak jawatan kerana menerima tawaran kerja lain atau pegawai tidak lagi berhasrat untuk meneruskan perkhidmatan.

Sekian. Terima kasih.